



Faizal (tiga, kiri) dan Abdul Rani (berkopiah) bertanya khabar pasangan suami isteri yang merupakan mangsa banjir di pusat pemindahan SMK Meru.

"Manakala 17 orang lagi melibatkan lima keluarga ditempatkan di dewan Kampung Kuantan sehingga tengah hari semalam (kelmarin)," katanya.

Menurutnya, anggota bomba Sungai Pinang turut terlibat dalam operasi membantu dan menyelamatkan seorang mangsa, warga emas yang sakit teruk untuk dihantar ke rumah saudaranya.

Katanya, pihak bomba sentiasa memantau kejadian dan sentiasa bersiap sedia membantu dan menyelamatkan mangsa banjir.

Dalam pada itu, Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman mengakui sistem saliran ber-



Pelbagai lapisan usia yang merupakan mangsa banjir ditempatkan di pusat pemindahan SMK Meru, petang semalam.



Keadaan dalam kediaman Mohd Sharip.

masalah antara faktor yang menyebabkan berlakunya banjir di kawasan Meru.

Menurutnya, bagaimanapun selepas pembinaan longkang besar (flood drain) di hadapan Masjid As-Syariff di sini, banyak perubahan berlaku.

"Banjir yang berlaku sejak kebelakangan ini tidak kerap seperti tahun lalu.

"Dalam Sidang Dewan Negeri, saya telah bawa isu ini dan kerajaan telah meluluskan peruntukan kira-kira RM10.2 juta untuk tujuan itu," katanya.

Tambahnya lagi, kerja-kerja itu melibatkan dua tempat.

"Kerja-kerja itu juga sudah bermula dan ia dijangka siap tahun depan," katanya.

Ketua Umno Bahagian Kapar, Datuk Faizal Abdullah pula berkata, pihaknya dan Abdul Rani kerap bertemu dan bertembung dalam program sebegini.

"Benda ini bukan baru tetapi dah lama, kebetulan kali ini kami bertemu lagi.

"Dia wakil rakyat sudah jadi tanggungjawabnya untuk turun padang. Lagipun ini kawasannya dan saya juga pemimpin di peringkat bahagian, ini juga tanggungjawab saya menjenguk rakyat (mangsa banjir)," katanya ketika bersama Abdul Rani melawat mangsa di pusat pemindahan banjir di SMK Meru, semalam.

Menurutnya lagi, banjir sudah banyak kali berlaku di sini.

"Jadi tiada salahnya kami saling bekerjasama untuk hal-hal berkaitan rakyat dengan mengetepikan fahaman politik masing-masing," katanya.

Sementara itu, Abdul Rani berkata, pihaknya juga tiada masalah untuk bekerjasama dengan pemimpin Umno dalam hal berkaitan rakyat di sini.

"Tak ada masalah, bila ada Pemuda Umno minta bantuan atau peruntukan kita beri, saya tak kira dia siapa dan dari parti mana.

"Agama Islam sentiasa ajar kita agar berbakti kepada sesama Islam dan juga pada bukan Islam, orang Umno juga orang Islam, jadi tak ada masalah," katanya.



Orang ramai membantu warga emas, Mohd Sharip Dollah (tengah) berpindah selepas rumahnya dinaiki air.